

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT,
'LOCAL AGENDA 21' DAN PEMBANGUNAN MAMPAN
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL.1/2017**

Tarikh : **15 Mac 2017 (Rabu)**
Masa : **2.30 petang – 4.30 Petang**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Semarak, Tingkat 4,
Majlis Perbandaran Sepang
Cyberjaya, Selangor**

KEHADIRAN

1. Y.Bhg Tuan Muhammad Hafiz bin Shaari, - Pengerusi
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang;
2. Encik Tong Jeng Harnng
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sepang Putra;
3. Encik Titus Gladwyn a/l Gomez
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon BBST Selatan;
4. Encik Kong Tuck Wah
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Desa Putra;
5. Encik Radzali bin Kasim,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sungai Merab;
6. Puan Suziana binti Musa
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang/
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sepang Utara;
7. Encik Thiban A/L Subramaniam
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Arked;
8. Encik Gun Chee Hui
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang/
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Kota Warisan;

9. Encik Mohamad Jamalulail bin Hamzah
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang/
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Labu;
10. Encik Muniandy A/L Murugan,
Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Daerah Sepang;
11. Encik Mohammad Fakri Bin Mansor
Jabatan Keselamatan Jalan Raya Negeri Selangor ;
12. Encik Zulkarnain Bin Mat Deris
Jabatan Kerja Raya Daerah Sepang ;
13. ASP Sobri Bin Md Taib
IPD Sepang
14. Puan Norshimahwati Binti Mustafar
Jabatan Kebajikan Daerah Sepang;
15. Encik Haris Bin Idris
Jabatan Pengangkutan Jalan
16. Encik Mohd Iskandar Yusuf,
Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor
17. Puan Suhana Binti Shamsuddin
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air
18. Encik Ir Mohd Zaini Bin Abu Hassan
Malaysia Green Technology Corporation
19. Encik Steve Anthony Lojuntin
Ketua Unit Tenaga,
Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA);
20. Encik Ir. Mohd Zaini bin Abu Hassan
Malaysia Green Technology Corporation
21. Puan Jennifer Lim
Sunsuria Berhad
22. Encik Harry Wong
CEO, Oride (M) Sdn. Bhd.
23. Encik Ahmad Hazri Mohamed Aris
Assistant Manager, Business Unit, Multimedia University
24. Puan Safura Idris,
Dpulze Ventures Sdn Bhd

25. Encik C. M. Chong,
Executive Director, Prima Properties Management Sdn.Bhd.
26. Encik Kelvin Tin,
Property Manager, Prima Properties Management Sdn.Bhd.

TURUT HADIR

27. Puan Rozeta binti Md. Yusuf
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang
28. Tuan Hj. Ahmad Saifunazif bin Mat Yatim,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan,
Majlis Perbandaran Sepang
29. Tn Hj. Mohd Nor Amirrudin Bin Ab Karim,
Ketua Unit Perundangan
Majlis Perbandaran Sepang
30. Puan Ruhaila binti Abdul Rahman,
Pengarah, Jabatan Landskap,
Majlis Perbandaran Sepang
31. Encik Sulaiman bin Abi Hashim
Pengarah, Jabatan Bangunan,
Majlis Perbandaran Sepang
32. Puan Zelda Binti Mohd Zamri,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat,
Majlis Perbandaran Sepang;
33. Encik Muhammad Aminuddin bin Norozi ,
Penolong Pegawai Tadbir,
Unit Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Perbandaran Sepang
34. Puan Habibah,
Jabatan Penguatkuasaan,
Majlis Perbandaran Sepang
35. YM Raja Zulhelmi Bin Raja Salleh ,
Jabatan Perbendaharaan,
Majlis Perbandaran Sepang;
36. En. Mohd Salihin Bin Jelani,
Pengarah Jabatan Kesihatan dan Persekitaran,
Majlis Perbandaran Sepang

37. Encik Halif Bin Noorzan,
Pengarah Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja,
Majlis Perbandaran Sepang
38. Encil Fahmy Bin Tumut,
Pengarah Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
Majlis Perbandaran Sepang
39. Puan Suhana Binti Mohd Soib
Penolong Pengarah, Unit Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Sepang
40. Puan Nurhidayati Binti Dahlan
Ketua, Unit Tender Dan Kontrak,
Majlis Perbandaran Sepang
41. Puan Asmahan Binti Abdullah
Pegawai Perancang Bandar dan Desa Unit Pusat Setempat,
Majlis Perbandaran Sepang
42. Encik Shahril Bin Omar
Ketua, Unit Pesuruhjaya Bangunan

URUSETIA

43. Encik Mohd Adham bin Mahmood - Setiausaha
Penolong Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang;
44. Cik Nur Farhana binti Mohd Nor
Penolong Pegawai Perancang Bandar,
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang
45. Puan Nurulhuda binti Zainal Abidin,
Penolong Pegawai Perancang Bandar,
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

46. Encik Mohd Shafinye bin Mohd Nasoha,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
47. Pegawai Daerah,
Pejabat Daerah dan Tanah Sepang

48. Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
49. Pengarah,
Pejabat Belia & Sukan Daerah Sepang
50. Pengarah,
Jabatan Imigresen Negeri Selangor;
51. Pengarah,
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang;
52. Pengarah,
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang;
53. Pengarah,
Pejabat Agama Islam Daerah Sepang;
54. Pengarah,
Jabatan Pendidikan Daerah Sepang
55. Pengarah,
Agensi Anti Dadah Daerah Kebangsaan (AADK) Sepang
56. Pengarah,
Pejabat Pembangunan Negeri Selangor

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI

Timbalan Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sepang selaku pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini merupakan mesyuarat kali pertama (1) dan Jawatankuasa Bandar Selamat dan Jawatankuasa Local Agenda 21 telah digabungkan menjadi satu (1) Jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang.

Selain membincangkan isu berkaitan keselamatan atau Bandar selamat, jawatankuasa ini diperluaskan portfolionya yang berkaitan dengan 'Smart City' dan 'Low Carbon City' serta perkara-perkara berkaitan dengan inisiatif hijau dan pembangunan mampan amnya.

Tuan Pengerusi juga memohon kerjasama semua pihak khususnya agensi-agensi yang terlibat di dalam Jawatankuasa ini berperanan mengikut fungsi jabatan masing-masing.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.3/2016

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat dan Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang Bil.3/2016 disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Cadangan Perlaksanaan 'Bike Share'

Tuan Pengerusi mencadangkan supaya ditingkatkan kolaborasi dengan stakeholder dan pemaju samada di Cyberjaya atau kawasan strategik bagi melaksanakan projek 'bike share'. Pelaksanaan samada secara 'cost sharing basis', CSR atau kaedah yang sesuai perlu difikirkan bagi memastikan cadangan 'bike share' ini dapat dilaksanakan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat dua (2) cadangan pelaksanaan 'Bike Share' yang akan dilaksanakan di dua (2) lokasi berikut :

- a) Bandar Sunsuria berdekatan dengan Kota Warisan yang akan dilaksanakan oleh Sunsuria Berhad dan Oride (M) Sdn Bhd secara usahasama (Joint Venture).
- b) Cyberjaya yang melibatkan 3 lokasi utama iaitu Universiti Multimedia, Dpulze Shopping Complex dan Prima Evenue.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Sunsuria Berhad
Oride (M) Sdn Bhd

3.2 Cadangan Pengasingan Laluan Pejalan Kaki Dan Laluan Basikal Daripada Kenderaan Bermotor Di Bawah Program Bandar Selamat Di Bandar Baru Salak Tinggi

Cadangan ini telah dilaksanakan dan laluan sepanjang hampir 2 kilometer ini bermula daripada persimpangan Mahkamah Syariah hingga ke CBD BBST / Medan 88 dianggarkan siap 90 peratus. Peringkat akhir ini adalah melibatkan kerja-kerja pemasangan longkang besar yang melibatkan kawasan bercerun. Kerja-kerja ini dijangkakan siap sepenuhnya pada Mei 2017 dan sebahagiannya telah dibuka untuk kegunaan orang awam.

Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar
Jabatan Kejuruteraan

3.3 Cadangan Operasi Bersepadu Terhadap Warga Asing Ke Daerah Sepang Atas Kesalahan Yang Dilakukan Samaada Tinggal Melebihi Tempoh Masa Atau Salah Guna Visa Pelajar Bersama Jabatan Imigresen Negeri Selangor.

Cadangan operasi bersepadu ini akan diketuai oleh Jabatan Imigresen dibantu oleh Majlis Perbandaran Sepang dan disertai oleh agensi-agensi lain seperti PDRM @ IPD Sepang, JAIS, JPJ, AADK, Pejabat Kesihatan Daerah Sepang dan agensi lain yang sesuai. Cadangan tarikh operasi bersepadu ini akan dimaklumkan kelak dan satu (1) penyelarasan akan dibuat bersama Jabatan Imigresen.

Tindakan :
Jabatan Imigresen, Jabatan Penguatkuasaan &
Semua Jabatan / Agensi Peringkat Daerah, Negeri & Persekutuan

3.4 Ketiadaan Tempat Letak Kenderaan Berat di Kawasan Taman Perumahan

Tapak asal yang merupakan tanah kerajaan yang diberikan secara TOL bagi tujuan Depoh TLK Berat berdekatan Taman Dengkil Jaya telah ditamatkan memandangkan tapak tersebut terlibat dengan penjajaran pembinaan lebuh raya. Walaubagaimanapun, kaedah 'short term' akan dikenalpasti samada melalui kerjasama pihak SPAD untuk memperketatkan proses pengeluaran permit serta lokasi TLK berat sediaada yang berhampiran.

Terdapat bas kilang yang diletakkan di Taman Dengkil Jaya dan menyebabkan rasa tidak puas hati dikalangan penduduk taman. Dato' Pengerusi meminta supaya Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta supaya mengenalpasti tanah-tanah Kerajaan untuk dimohon TOL dan seterusnya dijadikan depoh atau tempat letak kenderaan berat.

Lima (5) kawasan telah dikenalpasti sebagai TLKB dan penyelarasan bagi mendapatkan TOL akan diselaraskan dengan PTD Sepang. Antara kawasan yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut :

- a) Pekan Dengkil (Bekas tapak DOR Permata : 1.0 ekar)
- b) Taman Putra Perdana (Bersebelahan Masjid)
- c) Desa Pinggiran Putra (Kawasan lapang bersebelahan Rentis TNB)
- d) Pekan Sungai Pelek (bersebelahan Medan Selera)
- e) Bandar Baru Salak Tinggi bersebelahan IKTBN)

Tindakan :

Pejabat Daerah dan Tanah Sepang,
SPAD, Jabatan Penguatkuasaan &
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, PTD Sepang dan
Jabatan Perancangan Bandar

3.5 Cadangan Penyediaan Laluan Basikal (Road Marking) Fasa 2 di Cyberjaya di bawah Program Bandar Selamat, Majlis Perbandaran Sepang

Cadangan ini telah siap sepenuhnya pada Januari 2017 dan akan diteruskan dengan Fasa 3. Walaubagaimanapun, cadangan Fasa 3 akan diteliti secara terperinci kerana terdapat sebahagian jalan-jalan yang dicadangkan masih belum diserahkan kepada pihak Majlis dan masih di bawah kawalan pihak Pemaju (Setia Haruman Sdn Bhd).

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

3.6 Statistik Jenayah Kekerasan/Jalanan dan Jenayah Harta Benda Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang Bagi Tahun 2016 oleh : PDRM / Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD Sepang)

Pihak PDRM memohon supaya pihak Majlis dapat membantu menyediakan lebih tempat letak motosikal berkunci khususnya di kawasan perumahan bertingkat (Apartmen) kerana menunjukkan tren peningkatan kes jenayah berkaitan curi motosikal. Kawasan yang paling tinggi adalah di kawasan Putra Perdana.

Tindakan :

IPD Sepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

3.7 Cadangan Pemasangan Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang Oleh Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (Greentech Malaysia).

Cadangan ini telah siap sepenuhnya dilaksanakan dimana daripada 11 tapak yang dicadangkan, tujuh (7) tapak telah di bina. Manakala 4 lagi tapak tidak dapat dilaksanakan kerana terdapat beberapa isu seperti pemendapan tanah di Mitsui Outlet Park KLIA Sepang, isu pentadbiran dan pengurusan daripada pihak Shaftbury dan Sama-Sama Hotel.

Tindakan :
Greentech Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

3.8 Cadangan Perlaksanaan "Electric Vehicle (EV) Car Sharing Programme" di kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang Oleh COMOS @ CMS Consortium Ecotour Sdn Bhd

Pihak syarikat secara dasarnya bersetuju terhadap cadangan pihak Majlis dan memohon supaya 8 tapak yang dipersetujui untuk dijadikan tempoh percubaan selama 6 bulan bagi menilai keberkesanan program EV Car Sharing. 8 lokasi tapak yang dimaksudkan di Cyberjaya adalah seperti berikut :

- Prima Avenue (petak 38 dan 39)
- Glomac, bersebelahan 'feeder pillar' TNB (Petak 222 & 223)
- Universiti Limkokwing (LUCT) (Petak 27 & 28)
- Cottage Walk (Petak 18 & 19)

Mesyuarat memutuskan supaya segala kos-kos berkaitan penyediaan tempat letak kenderaan elektrik meliputi kerja-kerja 'road marking', papan tanda dan seumpamanya dibiayai oleh pihak syarikat.

Pihak syarikat (CMS) melalui Encik Syed Malek Faisal Syed Mohamad, Chief Operating Officer, CMS @ COMOS memaklumkan bahawa terdapat perubahan 'business model' dan mencadangkan supaya projek ini dikeluarkan dahulu. Pihak syarikat amat berbesar hati dengan kolaborasi MPSepang dan akan mengemukakan 'business model' yang baru bila bersedia nanti.

Tindakan :
COMOS @ CMS Consortium Ecotour Sdn Bhd
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Perbendaharaan, MPSepang

3.9 Cadangan Usahasama MPSepang dan SEDA Malaysia Bagi Program Low Carbon Building. Pilot Projek Cyberjaya (Online Energy Monitoring System)

Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa pihak MPSepang telah di pasang alat di bilik MSB (Energy Data Logger) bagi tujuan mengenalpasti tahap penggunaan elektrik bangunan MPSepang secara online melalui sistem yang dikenali sebagai 'Online Energy Monitoring System'. Walaubagaimana terdapat isu ketidakcukupan 2 unit data logger yang masih perlu di pasang bagi memastikan bacaan tenaga lebih tepat khususnya dari aspek penggunaan tenaga.

Tindakan :

SEDA Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Unit Teknologi Maklumat, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

3.10 Cadangan Penyediaan 'Blueprint @ Pelan Pembangunan Perbandaran Pintar dan Rendah Karbon Bagi Cyberjaya' (Blueprint Of Smart & Low Carbon Cities For Cyberjaya 2025' Untuk Majlis Perbandaran Sepang.

Kajian ini telah bermula pada Disember 2016 dan kajian ini dijangkakan siap sepenuhnya pada awal Mei 2017. Satu (1) 'Inception Report' dan laporan akhir telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian 'Cyberjaya : Smart & Low Carbon City' pada 8 Mac 2017.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa siri kedua (2) bengkel akan diadakan dan laporan akhir akan dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh MPSepang yang akan datang.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan MPSepang
Jabatan / Agensi Persekutuan / Negeri, Stakeholder / Pemaju Cyberjaya

3.11 Cadangan pelaksanaan projek Sistem Penuaian Air Hujan (SPA) di bawah Standco Teknologi Hijau Negeri Selangor di empat (4) Pasar Awam di kawasan pentadbiran MPSepang

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerja-kerja di tapak telah siap hampir 90 peratus dan melibatkan Pasar Awam berikut :

- a) Pasar Awam Dengkil ;
- b) Pasar Awam Sepang ;
- c) Pasar Awam Salak ; dan
- d) Pasar Awam Sungai Pelek.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang

3.12 **Cadangan Program usahasama MPSepang dan Greentech Malaysia (Green Data Centre dan Audit Green Energy Bangunan Majlis)**

a) Projek Green Data Centre

Projek ini melibatkan pemasangan penebat di Bilik Server telah dilaksanakan dengan kerja-kerja pemasangan dan kos dibiayai sepenuhnya oleh Greentech Malaysia. Kerja ini dikawalselia oleh Unit Teknologi Maklumat bersama-sama Jabatan Perancangan Bandar.

Tindakan :

Unit Teknologi Maklumat, MPSepang
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

b) Audit Tenaga Bangunan ibu pejabat MPSepang di Cyberjaya

Kerja ini dilaksanakan oleh pihak Greentech Malaysia. Kerja-kerja ini dikawalselia bersama oleh Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Perancangan Bandar dan Jabatan Kejuruteraan serta Unit Teknologi Maklumat. Kerja-kerja Audit Tenaga bangunan MPSepang ini bermula pada Disember 2016 dan berakhir pada 15 Februari 2017. Audit Tenaga ini juga dipantau secara terus oleh pihak pakar daripada negara Jepun.

Laporan akhir Audit Tenaga akan dibentangkan pada Mac 2017 khususnya berkaitan dengan penemuan dan kaedah penyelesaian khususnya bagi mengurangkan penggunaan tenaga sehingga 30 peratus hingga 50 peratus.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Semua Jabatan MPSepang

3.13 **Publisiti SMART Bas Sepang**

Penggunaan SMART Bas Sepang (Bas Percuma) telah dipromosikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan pihak Majlis juga telah mearwarkan bersama-sama Majlis Daerah Kuala Langat bagi penggunaan bas percuma ini. Pihak Majlis juga telah menubuhkan Unit Pengangkutan yang kini diletakkan di bawah Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang. Usaha-usaha hebahan juga dibuat melalui kerjasama Unit Korporat dan Perhubungan Awam, MPSepang.

Tindakan :

Unit Pengangkutan, Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Unit Korporat & Perhubungan Awam, MPSepang

4.0 PERKARA YANG DI BINCANGKAN

4.1 KERTAS KERJA 1 : Cadangan Pelaksanaan 'Bike Share' di Bandar Sunsuria (Xianmen University – ERL) di bawah inisiatif 'Smart & Low Carbon City' MPSepang

- Cadangan pembangunan infrastruktur trek basikal bagi tujuan 'bike share' telah disampaikan oleh Puan Jennifer Lim, Senior Manager Project, Sunsuria Berhad.
- Projek ini dijalinkan dengan kerjasama Oride (M) Sdn Bhd iaitu syarikat yang melaksanakan pemasangan basikal (bike share). Oride merupakan penyumbang dari segi pengetahuan teknikal dan pemasaran. Sunsuria melaksanakan pembinaan projek tersebut. Anggaran trek basikal yang akan di bina adalah sejauh satu (1) kilometer dan melibatkan 3 stesen daripada Xianmen University ke ERL Salak Tinggi.
- Sunsuria-Oride (JV Co) akan menjalankan operasi selepas pelaksanaan system perkongsian basikal. Ini termasuk operasi harian, perkhidmatan dan penyelenggaraan basikal (Service and Maintenance).
- Sistem Perkongsian basikal ini dapat memberi manfaat kepada para pengunjung, penghuni-penghuni bersekitaran dan juga pelajar-pelajar daripada Xiamen University.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju terhadap cadangan pembinaan trek basikal beserta pembinaan stesen bike share dengan kos dibiayai sepenuhnya oleh pihak Sunsuria Berhad dan Oride (M) Sdn Bhd.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

4.2 KERTAS KERJA 2 : Cadangan Pelaksanaan 'Bike Share' di Cyberjaya (Multimedia University – D'Pulze Shopping Complex – Prima Avenue) di bawah inisiatif 'Smart & Low Carbon City' MPSepang

Penyediaan trek basikal ini akan melibatkan laluan sepanjang 1.4 kilometer (1 laluan sahaja sebagai pilot projek) dan melibatkan lokasi seperti berikut:

Bil	Lokasi	Jarak (KM)
1.	Persiaran Multimedia	1.2 KM
2.	Jalan Teknoktrat 4	0.2 KM
JUMLAH		1.4 KM / 1 laluan

Jumlah Stesen, Bilangan 'bay' basikal dan jumlah basikal yang dicadangkan adalah seperti berikut :

Bil	Lokasi	Bilangan Stesen	Bilangan Tempat Letak Basikal	Bilangan Basikal
1.	Universiti Multimedia	2	40	30
2.	D'Pulze	1	40	30
3.	Prima Avenue	1	40	30
JUMLAH		4	120	90

Pihak MPSepang akan menjalankan projek ini secara 'cost sharig basis' dan berkolaborasi dengan pihak pemaju melalui sumbangan secara CSR. Senarai Pemaju yang dicadangkan adalah seperti berikut:

LOKASI	STESEN	PEMAJU TERLIBAT
Persiaran Multimedia	3	<ul style="list-style-type: none"> Universiti Multimedia. D'Pulze Ventures Sdn. Bhd
Jalan Teknoktrat 4	1	<ul style="list-style-type: none"> Prima Properties Management Sdn. Bhd

Keputusan Mesyuarat :

- Bersetuju terhadap tiga (3) lokasi iaitu di Universiti Multimedia, Dpulze Shopping Complex dan Prima Evenue di Cyberjaya ;
- Bersetuju kos penyediaan spesifikasi dan rekabentuk pembinaan stesen dan laluan basikal (Bike Share) ini akan disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan akan disemak oleh Unit Tender & Kontrak Unit Perolehan bersama Jabatan Kejuruteraan (Bahagian Jalan) ;
- Bersetuju peruntukan bagi penyediaan stesen dan laluan basikal (Bike Share) akan dibuat secara 'cost sharing basis' melibatkan MPSepang, Oride (M) Sdn Bhd, Multimedia University, Dpulze Shopping Complex dan Prima Properties (M) Sdn Bhd ;

Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Unit Tender & Kontrak, MPSepang
Multimedia University
Dpulze Shopping Complex
Prima Properties Sdn Bhd

4.3 KERTAS KERJA 3 : Laporan Audit Tenaga Bangunan Majlis Perbandaran Sepang di Cyberjaya

- Pembentangan Audit Tenaga Bangunan Majlis disampaikan oleh Encik Muhamad Muhtazam Noor Din, Senior Analyst – Green Living, Malaysian Green Technology Corporation (MGTC)
- Audit Tenaga ini dilaksanakan selama dua (2) bulan bermula pada 4 Januari 2017 hingga 15 Februari 2017.
- Skop kerja melibatkan ‘Energy Management Practices’ dan ‘Energy Supply and Balance’ dan sistem yang dipilih dalam pengauditan tenaga adalah seperti berikut :
 - i. Electrical
 - ii. Air Conditioning
 - iii. Server Room
 - iv. Lighting
 - v. Indoor Air Quality

Keputusan Mesyuarat :

- a) Mesyuarat mengambil maklum mengenai penemuan kajian dan cadangan yang dikemukakan oleh pihak MGTC ;
- b) Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai 10 cadangan (recommendations) untuk diperhalusi oleh pihak Majlis dari segi pelaksanaan. Ringkasan adalah seperti berikut :

No	Energy Saving Measures	Potential Saving		Investment	Payback Period	CO2 Reduction	Priority
		Energy (kWh)	Cost (RM)	Cost (RM)	Year	Ton/year	
1	Sustainable Energy Management System	17,349	8,831	6,000	0.7	12.9	1
2	Reduce Baseload on after office hour	12,323	6,273	-	-	9.1	1
3	Installed Daylight Sensor to Lift Area	5,141	2,617	1,200	0.5	3.8	1
4	Replacement of FL 18W to FL LED 10W	5,004	1,827	6,755	3.7	3.7	1
5	Replacement PLC 18W to LED 15W	5,623	2,862	7,140	2.5	4.2	1
6	Replacement of FL 36W to FL LED 20W	67,271	24,554	95,130	3.9	49.8	1
7	Replacement of Daily to Weekly Timer at Air Handling Unit (AHU)	4,636	2,360	1,800	0.8	3.4	1
8	Minor Cleaning to Air Cooled Package Unit	16,851	8,577	4,500	0.5	12.5	1
9	Replacement Air Cooled Split Unit to Energy Efficient Air Conditioner	35,438	18,038	87,500	4.9	26.3	2
10	Installed Double Cooling Coil to Outdoor Unit	134,829	68,628	130,000	1.9	99.9	2
TOTAL		304,464	144,564	340,025	2.4	225.6	

Tindakan :

Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
 Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
 Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

4.4 **KERTAS KERJA 4 : Cadangan Latihan Kecekapan Tenaga ‘Energy Efficiency’ Bangunan Rendah Karbon dan Asas Pengurusan Tenaga Serta Kecekapan Tenaga Kepada Pengurusan dan Teknikal Majlis Perbandaran Sepang Secara Kolaborasi dengan SEDA Malaysia**

Pembentangan kertas kerja disampaikan oleh Mr. Steve Anthony Lojuntin, Ketua Unit Pengurusan Permintaan Tenaga, Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA)

Tujuan dan rasional utama sesi latihan ini adalah untuk memberikan dan meningkatkan pengetahuan mengenai pembangunan rendah karbon, pengurusan dan kecekapan tenaga kepada pegawai di peringkat pengurusan dan unit teknikal, staf MP Sepang secara amnya, antara pengetahuan yang akan diperolehi peserta adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan tahap pemahaman dan kesedaran peserta mengenai latihan seperti di atas;
- ii. Melengkapkan peserta dengan ilmu pengurusan dan kecekapan tenaga berdasarkan piawaian pengurusan tenaga;
- iii. Menerangkan dan berkongsi senario penggunaan tenaga terkini, arah tuju Kerajaan dalam hal-hal pengurusan dan kecekapan tenaga serta dari segi pelepasan karbon; dan
- iv. Membantu peserta daripada MP Sepang dengan ilmu berkaitan untuk mengenalpasti inisiatif – inisiatif penjimatan tenaga tanpa kos dan dengan kos rendah supaya ianya dapat dipraktikan di organisasi masing – masing.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju untuk melaksanakan Latihan Kecekapan Tenaga Bangunan Rendah Karbon dan Asas Pengurusan Tenaga Serta Kecekapan Tenaga Kepada Pengurusan dan Teknikal Majlis Perbandaran Sepang (MP Sepang).

Tindakan :

SEDA Malaysia
Jabatan Khidmat Pengurusan, MP Sepang
Jabatan Perancangan Bandar, MP Sepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MP Sepang
Jabatan Kejuruteraan, MP Sepang

4.5 **KERTAS KERJA 5** : Pelaksanaan Dan Penglibatan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Dalam *Green Technology Application For The Development Of Low Carbon Cities (GTALCC) Project*

- Pembentangan kertas kerja disampaikan oleh Mr. Steve Anthony Lojuntin, Ketua Unit Pengurusan Permintaan Tenaga, Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA)
- Projek *Green Technology Application for The Development of Low Carbon Cities (GTALCC)* ini adalah merupakan projek berkaitan dengan inisiatif terhadap pengurangan pelepasan gas karbon dioksida atau gas rumah kaca (GHG) di peringkat perbandaran yang mempunyai matlamat untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dunia.
- Projek ini adalah inisiatif Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan United Nations Development Programme – Global Environment Facilities (UNDP/GEF).

a.	Bidang keutamaan	Perubahan iklim
b.	Agensi GEF	UNDP
c.	Agensi Peneraju (Executing Agency)	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan air (KeTTHA)
d.	Agensi Pelaksana (Implementing Agency)	SEDA Malaysia

- Projek GTALCC merupakan projek sokongan terhadap program *Low Carbon Cities* sedia ada di bawah KeTTHA, yang mana melibatkan beberapa perbandaran di Semenanjung Malaysia. Projek *Low Carbon Cities* tersebut merupakan susulan dari projek Putrajaya – Cyberjaya Green Township dan pembangunan *Low Carbon Cities Framework & Assessment System (LCCF)* yang bermula pada tahun 2010.
- Tempoh pelaksanaan projek adalah **selama 5 tahun** bermula dari tahun 2016 – 2020 dalam pelaksanaan projek pilot di bawah GTALCC oleh MPSepang-Cyberjaya;

Keputusan Mesyuarat :

- a) Mesyuarat mengambil maklum mengenai penglibatan MPSepang di dalam *Green Technology Application For The Development Of Low Carbon Cities (GTALCC) Project*

- b) Mesyuarat mengambil maklum mengenai inisiatif MPSepang di dalam melaksanakan LCCF seperti *Apps Development, Electric Facilitate bus stop, Composting & Recycling Centre – Cyberjaya, Smart Waste (IoT), Waste Management (KISMAT, ABBS), Tax Reduction for Green Building, Led Street Lighting, Bicycle Lane, Smart Parking, Urban Farming & Community Garden.*

Tindakan :

SEDA Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan, MPSepang

4.6 KERTAS KERJA 6 : Cadangan Pelaksanaan EPC (Energy Performance Contract) Bagi Pemasangan Lampu LED (Light Emitting Diode) Di Cyberjaya Di Bawah Inisiatif 'Smart & Low Carbon City', Majlis Perbandaran Sepang

- Kerajaan Pusat melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air telah membangunkan Dasar Teknologi Hijau yang mana diantara objektifnya ialah mengurangkan kadar penggunaan tenaga bagi memastikan pengawalan terhadap tahap pemanasan global dan isu penipisan ozon bumi.
- Penggunaan tenaga cekap 'Smart Energy' adalah salah satu pelaksanaan penting didalam Selangor Smart City Blueprint dimana lampu cekap tenaga adalah lampu LED.
- Terdapat lebih kurang 2000 unit lampu jalan di Cyberjaya yang akan terlibat dalam EPC ini.
- Penjimatan penggunaan elektrik dapat dikurangkan sehingga 60% kepada bil elektrik bulanan Majlis Perbandaran Sepang.
- Pembebasan karbon dioksida 'CO2' dapat dikurangkan sebanyak 50% dengan pelaksanaan EPC.
- Tempoh pelaksanaan EPC sehingga 10 tahun termasuk penyelenggaraan lampu LED.

Keputusan Mesyuarat :

- a) Mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan EPC bagi seluruh Cyberjaya atau di Persiaran Multimedia dan Semarak Api sebagai permulaan ;
- b) Mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan EPC ini akan dibiayai melalui penjimatan bil elektrik Majlis berdasarkan tempoh pelaksanaan EPC ;
- c) Mesyuarat bersetuju supaya spesifikasi produk lampu akan dinilai oleh Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

4.7 **KERTAS KERJA 7** : Cadangan Pelaksanaan 'Food Waste Composting' Peringkat Majlis Perbandaran Sepang di bawah inisiatif 'Smart & Low Carbon City' MP Sepang
Pilot Projek : Belakang Kafeteria, MP Sepang

- Berdasarkan pembelajaran secara tidak langsung melalui penyertaan Seminar dan juga lawatan kerja di beberapa tempat yang melaksanakan pengkomposan sisa makanan, pihak Jabatan telah mencadangkan untuk menjalankan satu (1) pilot projek bersama Kafeteria / Kantin MP Sepang bagi melaksanakan program pengkomposan sisa makanan ini secara tradisional.
- Pihak Jabatan juga telah membuat tinjauan dan mendapati 'Food Waste Composting' ini telah dijanakan untuk menghasilkan tenaga bagi sesetengah PBT seperti MBPJ dan MPSJ. Walaubagaimana untuk pelaburan pembelian mesin pengkomposan seperti yang dilaksanakan oleh MBPJ dan MPSJ tidak disesuaikan untuk dilaksanakan diperingkat MP Sepang kerana kos yang tinggi dan gaya hidup perkampungan di Daerah Sepang masih lagi tinggi berbanding perbandaran lain.
- Justeru itu, pihak Jabatan telah mengambil inisiatif untuk membina 10 unit komponen kompos Biopori bagi penghasilan baja kompos melalui sisa makanan. Cadangan komponen 'food waste composting' serta aksesori berkaitan akan dibina di atas laluan pejalan kaki sepanjang 39 meter di belakang kafeteria MP Sepang

Keputusan Mesyuarat :

- a. Mesyuarat bersetuju untuk dilaksanakan ujikaji terlebih dahulu dan mencadangkan supaya di buat satu (1) unit dahulu bagi mengelakkan masalah bau dipersekitaran pejabat ;
- b. Mesyuarat bersetuju pelaksanaan FWC (Food Waste Composting) ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Kantin MP Sepang sebagai Pilot Projek sebelum dilebarluaskan penggunaannya di kawasan perumahan dan juga pasar awam ;
- c. Pelaksanaan FWC ini akan dibiayai melalui peruntukan sediada dan satu 'Workshop' bagi tujuan demonstrasi dan pendedahan akan dilaksanakan setelah kerja-kerja pembinaan FWC siap sepenuhnya yang dijangkakan pada Jun 2017.
- d. Pelaksanaan FWC ini akan melibatkan pelbagai Jabatan seperti Jabatan Landskap, Jabatan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Pelesenan, Unit Perkhidmatan Bandar, Jabatan Kawalan Bangunan dan juga stakeholder berkepentingan.

- e. Pelaksanaan para (b) hingga (e) tertakluk kepada keputusan ujikaji bagi para (a).

Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar
Jabatan Kejuruteraan

4.8 KERTAS KERJA 8 : Cadangan Program Kepolisan Masyarakat (Policing Community) Majlis Perbandaran Sepang Bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang dan Komuniti Cyberjaya Di Bawah Program Bandar Selamat serta bersempena Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Cyberjaya

Cadangan Program Kepolisan Masyarakat (Policing Community) Majlis Perbandaran Sepang bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang dan Komuniti Cyberjaya sempena Sambutan Ulangtahun ke 20 tahun Cyberjaya.

Tarikh : 20hb Mei 2017 (Sabtu)
Tempat : Persimpangan bulatan berhadapan Neo Cyber
Masa : 8.00 pagi hingga 2.00 petang

Keputusan Mesyuarat :

- a) Bersetuju untuk mengadakan 'Program Kepolisan Masyarakat (Policing Community) Majlis Perbandaran Sepang bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang dan Komuniti Cyberjaya sempena Sambutan Ulangtahun ke 20 tahun Cyberjaya ;
- b) Bersetuju dengan cadangan tarikh program ; dan
- c) Bersetuju dengan cadangan peruntukan bagi membiayai 'Program Kepolisan Masyarakat (Policing Community) menggunakan peruntukan Bandar Selamat / LA21 MPSepang ;

Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
IPD Sepang

4.9 KERTAS KERJA 9 : Cadangan Penyediaan Tempat Letak Motosikal Berkunci dan Berbumbung Di Apartment Anggerik, Taman Putra Perdana, Daerah Sepang

- Pemilihan tapak bagi pemasangan 'tempat letak motorsikal berkunci' di buat berdasarkan kepada kawasan yang mempunyai kes kecurian motorsikal yang tinggi. Pelaksanaan langkah ini merupakan antara langkah yang telah dikenal pasti antara yang memberikan impak atau keberkesanan di mana kadar jenayah dapat dikurangkan berdasarkan kepada output yang diperoleh dari Lab NKRA mengurangkan jenayah ;

- Di bawah Program Bandar Selamat, pelaksanaan langkah ini dibuat secara 'one off' dan penyelenggaraan akan diserahkan dan dilaksanakan oleh Jabatan kejuruteraan sekiranya terdapat kes-kes yang melibatkan 'vandalisme' atau kerosakan luar jangka yang disebabkan oleh bencana alam dan seumpamanya ;

Keputusan Mesyuarat :

- a) Mesyuarat mengesyorkan supaya Cadangan Tempat Letak Motorsikal Berkunci Dan Berbumbung di buat di luar kawasan JMB dan mengenalpasti tapak baru khusus berhampiran bagi tujuan memudahkan penyelenggaraan oleh pihak MPSepang ;
- b) Mesyuarat bersetuju menggunakan peruntukan Bandar Selamat / LA21 MPSepang bagi cadangan ini secara 'one off' ;

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
 Jabatan Kejuruteraan, MPSepang
 IPD Sepang

4.10 KERTAS KERJA 10 : Cadangan Kebun Komuniti Bagi Tahun 2017
 - **Kebun Komuniti Untuk Warga Majlis Perbandaran Sepang**
 - **Kebun Komuniti di Ayer Hitam Permai**

Diperingkat MPSepang di bawah Program Local Agenda 21 Pembangunan Mampan, KPI Kebun Komuniti adalah mengenalpasti dan melancarkan sekurang-kurang satu lokasi tapak pada setiap tahun untuk dijadikan sebagai Kebun Komuniti. Antara lokasi Kebun Komuniti yang telah dijalankan oleh MPSepang adalah seperti berikut :

- i. Baiduri Court, Puchong (2013)
- ii. Taman Arked, Dengkil (2014)
- iii. Taman Lestari Permai, Seri Kembangan (2015)
- iv. Clover@Garden Residence, Cyberjaya (2016)
- v. Bandar Bukit Puchong, Puchong (2016)

Program Kebun Komuniti di MPSepang dicadangkan mengikut ketetapan berikut :

Tarikh : **6 Mei 2017**

Masa : 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Tempat : Kawasan lapang di sebelah tempat letak kenderaan MPSepang (bersebelahan zon tunda Unit Penguatkuasaan, MPSepang) seluas 0.38 ekar

Program Kebun Komuniti di Taman Ayer Hitam Permai dicadangkan mengikut ketetapan berikut :-

Tarikh : **5 Ogos 2017**

Masa : 9.00 pagi hingga 11.30 pagi

Tempat : Tanah Majlis di Taman Ayer Hitam Permai (2.3 ekar) bersebelahan Pusat Khidmat Ahli Majlis Zon Sepang Utara

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan Kebun Komuniti bagi tahun 2017 bagi warga MPSepang dan penduduk Taman Ayer Hitam Permai, Sungai Merab pada tarikh yang telah ditetapkan

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Landskap, MPSepang
Unit Perkhidmatan Bandar, MPSepang

4.11 KERTAS KERJA 11 : Statistik Jenayah Kekerasan/Jalanan dan Jenayah Harta Benda Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang Bagi Tahun 2017 (Data sehingga Februari 2017)

Pembentangan disampaikan oleh ASP Sobri bin Md Taib, IPD Sepang.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan yang disampaikan oleh Tuan ASP Sobri dan bersetuju terhadap cadangan untuk mengadakan kolaborasi melalui 'Policing Community' yang akan dianjurkan oleh pihak MPSepang bersama pihak IPD Sepang.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
IPD Sepang

4.12 **KERTAS KERJA 12 : Makluman Perancangan dan Pelaksanaan oleh Jawatankuasa Kerja LA21 (Ekonomi Mampan) Oleh : Pengarah, Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja**

a) KARNIVAL JELAJAH GENERASI MUDA SELANGOR (GEMS) DAERAH SEPANG

- Jelajah Generasi Muda Selangor (GeMS) merupakan salah satu acara yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Selangor.
- Tapak Pasar Sari Salak, Pekan Salak telah dipilih bagi program Jelajah GeMS bagi tahun 2017.
- Anggaran pengunjung lebih kurang 5,000 pengunjung selama 2 hari acara tersebut berlangsung.
- Program ini berlangsung pada 11 Mac hingga 12 Mac 2017
- Jabatan Pelesenan telah menguruskan aktiviti jualan makanan dan minuman sepanjang program ini. Konsep *Food Truck* telah diketengahkan di dalam program ini.
- Sebanyak 10 buah *Food Truck* telah menjalankan aktiviti jualan makanan dan minuman. Melalui platform ini juga, konsep *Foot Truck* ini secara tidak langsung memberi pendedahan kepada warga Sepang berkenaan cabang baru untuk menjalankan perniagaan selain menyahut polisi kerajaan negeri untuk menambah baik perniagaan berkonsepkan penjaja bergerak.
- Respon positif diterima daripada pihak pengusaha *Food Truck* dan orang awam di mana aspek kebersihan dan keteraturan dilihat memainkan peranan dalam mendapatkan respon ini.

b) CADANGAN FOOD TRUCK @ KLIA LANDSIDE

- Kawasan Pejabat Operasi KLIA Landside.
- Tapak Parking Limo KLIA
- Satu kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)
- Boleh menempatkan sehingga 15 Food Truck.
- Lokasi bagi menempatkan Trak Makanan (*Food Truck*) di kawasan tersebut adalah sesuai kerana tapak tersebut berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Lokasi ini akan menarik perhatian penumpang kapal terbang dan orang awam yang berkunjung ke sana.
- Harga makanan di premis di dalam KLIA didapati agak mahal dan mempunyai pilihan yang terhad. Oleh yang demikian, *Food truck* dapat dijadikan sebagai satu alternatif lain kepada pekerja-pekerja di kawasan tersebut.
- Tapak tersebut merupakan kawasan yang strategik memandangkan KLIA merupakan pintu gerbang masuk bagi pelancong dalam dan luar negara.

- Tapak tersebut merupakan kawasan letak kereta bagi Limo KLIA dan juga tempat letak kereta awam. Oleh itu, dengan menempatkan *Food truck* di kawasan tersebut pihak Majlis secara tidak langsung dapat membuka peluang perniagaan baru kepada peniaga dan berpotensi menjana ekonomi mereka.

Keputusan Mesyuarat :

- Mesyuarat mengambil maklum mengenai Karnival Jelajah Generasi Muda Selangor (GeMS) yang telah dilaksanakan pada 11 hingga 12 Mac 2017 di Pasar Sari Salak, Pekan Salak ;
- Mesyuarat juga secara dasar bersetuju dengan cadangan Food Truck dan memohon supaya dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pihak Majlis dan stakeholder berkaitan.

Tindakan :

Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja, MPSepang
IPD Sepang

4.13 KERTAS KERJA 13 : Makluman Perancangan dan Pelaksanaan oleh Jawatankuasa Kerja LA21 (Alam Sekitar Mampan) Oleh : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Pengurusan Penjaja, MPSepang

- KITAR SEMULA MINYAK MASAK TERPAKAI (KISMAT)
- BENGKEL SEJAHTERA DAN MESRA ALAM SEKITAR (BESMAS)
- LORONG BELAKANG BERSIH, INDAH & SEJAHTERA (LOBIS)
- LE TOUR DE SCHOOL

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat secara dasarnya bersetuju terhadap pelaksanaan keempat-empat program yang dicadangkan oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran seperti berikut :

- Kitar Semula Minyak Masak Terpakai (KISMAT)
- Bengkel Sejahtera Dan Mesra Alam Sekitar (BESMAS)
- Lorong Belakang Bersih, Indah & Sejahtera (LOBIS)
- Le Tour De School

Tindakan :

Jabatan Kesihatan & Persekitaran, MPSepang
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

4.14 **KERTAS KERJA 14 : Makluman Perancangan dan Pelaksanaan oleh Jawatankuasa Kerja LA21 (Alam Sekitar Mampan) Oleh : Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat**

- Pembentangan disampaikan oleh Puan Zelda Md Zamri, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPSepang yang dilaksanakan sejak Januari 2017 hingga Februari 2017.
- Sebanyak 39 program telah dilaksanakan pada Januari 2017 dan 84 program pada Februari 2017 yang melibatkan pelbagai kategori program.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat Mengambil maklum mengenai program-program yang telah dilaksanakan mengikut Jawatankuasa Perunding Penduduk bagi bulan Januari hingga Februari 2017.

Tindakan :
Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPSepang

5.0 HAL-HAL LAIN

Tiada

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguh pada jam 5.15 petang.

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT ,
LOCAL AGENDA 21 DAN PEMBANGUNAN MAMPAN,
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL.1/2017**


DI SEDIAKAN OLEH:



MOHD. ADHAM BIN MAHMOOD
Penolong Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang

Tarikh **17** Mac 2017

DISEMAK DAN DISAHKAN OLEH:



ROZETA BINTI MD. YUSUF
Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang

Tarikh **20** Mac 2017